

TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT DATUK DR. ABU BAKAR MOHAMAD DIAH
TIMBALAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI MALAYSIA (MOSTI)**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN USM PENANG SPACE FESTIVAL 2013 THE ART OF
ROBOTECH**

BERTEMPAT

PADANG KAWAD UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG

PADA

15 NOVEMBER 2013 (JUMAAT)

Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Omar Osman
Naib Canselor, Universiti Sains Malaysia (USM)

Yang Berbahagia Timbalan-Timbalan Naib Canselor
Universiti Sains Malaysia

Para kenamaan, Pegawai-Pegawai Utama Universiti

Tuan- tuan dan Puan-puan hadirin sekalian,

Assalamu'alaikum warahmatullahiwabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

1. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah izin dan kurniaNya, kita dapat berhimpun pada hari ini, hari yang penuh barakah di Majlis Perasmian "USM Penang Space Festival 2013" yang bertemakan Seni di dalam Teknologi Robot atau "The Art of Robotech". Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Universiti Sains Malaysia (USM) dan Northern Skills Development Centre (NSDC) kerana

menjemput saya merasmikan program ini, yang dipahamkan kali kedua dianjurkan oleh USM dan NSDC. Saya juga mengucapkan terima kasih kerana menjemput agensi di bawah MOSTI untuk sama-sama memeriahkan program ini, iaitu Pusat Sains Negara dan ANGKASA dan juga penglibatan Balai Cerap Negara Langkawi, yang akan berlintas langsung dengan Balai Cerap Negara Langkawi di dalam program Cerapan Perdana pada malam ini.

2. Saya percaya “USM Penang Space Festival” yang merupakan program liba tsama komuniti (*community engagement*) antara USM dan pihak industri dan masyarakat ini berupaya meningkatkan minat masyarakat terhadap Sains Angkasa. Tahniah kepada USM melalui Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat (*Division of Industrial and Community Network*) atau BJIM kerana menganjurkan program yang berkaitan dengan bidang-bidang astronomi, sains angkasa dan bidang-bidang lain yang berkaitan ini.

3. MOSTI sentiasa mengalu-alukan penganjuran program seumpama ini, sekurang-kurangnya untuk menanam sikap ingin maju dalam bidang sains dan teknologi serta menanam minat yang mendalam dalam bidang ini khususnya dalam aspek-aspek kejuruteraan robotik dan aero-angkasa, khususnya kepada generasi muda kita iaitu pelajar-pelajar sekolah, yang dahagakan kepada maklumat terkini di dalam bidang ini. Bagi saya, USM amat sesuai sekali di dalam penganjuran akrktiviti seumpama ini. Hal ini kerana, USM mempunyai kemudahan serta maklumat terbaru yang boleh dikongsi bersama dengan khalayak, seperti penglibatan Pusat Pengajian Kejuruteraan Aeroangkasa dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanikal dan pusat-pusat penyelidikan lain yang berkaitan, yang kemungkinan menghasilkan rekacipta baru

melalui hasil penyelidikan dan pembangunannya, yang boleh dikongsi bersama dengan masyarakat luar, khususnya para pelajar.

4. Pihak Universiti perlu memainkan peranan untuk menanamkan minat pelajar atau murid-murid sekolah di dalam bidang sains, melalui aktiviti seumpama ini. Timbalan Perdana Menteri semasa perasmian pameran “1001 Inventions: Kegemilangan Tamadun Muslim” menyatakan tentang penurunan penyertaan pelajar dalam aliran sains dan teknologi amat ketara, yang bermula semenjak tahun 2006 dengan peratus pelajar aliran sains dan teknologi pada peringkat menengah dilaporkan hanya sekitar 44.01%.

5. Oleh itu, program seumpama ini yang meliputi pameran, bengkel dan ceramah adalah salah satu cara yang terbaik untuk kita memberi pendedahan dan maklumat yang terkini dalam bidang sains dan teknologi. Tahukah anda bahawa penciptaan robot yang pertama di dunia adalah dihasilkan oleh orang Islam bukannya Leonardo da Vinci, sebagai pelopor kepada teknologi robot. Pelopor awal teknologi robot ialah Ibnu Ismail al Jazari pada abad ke 13 Masehi lagi. Ketika da Vinci merancang penghasilan robot pada tahun 1478, saintis Islam, Ibnu Ismail al Jazari telah berhasil mencipta dan merekabentuk sekitar 50 jenis robot. Beliau jugalah merupakan perintis kepada penghasilan “robot manusia” (humanoid) yang diprogramkan. Beliau juga yang mula-mula menggunakan prinsip hidrolik untuk menggerakkan mesin. Sebagai makluman Tuan-Tuan dan puan-puan sekalian, MOSTI sedang mengadakan pameran “1001 Inventions: Kegemilangan Tamadun Muslim” yang mempamerkan tentang kegemilangan tamadun-tamadun Islam dalam bidang sains dan teknologi, di Pusat Sains Negara.

6. Dalam konteks negara Asia seperti Jepun dan Korea, Malaysia kemungkinan tertinggal jauh di dalam dunia robotik ini. Korea misalnya telah membangunkan teknologi robotik ini telah sejak lama lagi, yang selaras dengan perkembangan projek Aeroangkasa mereka. Robotik di Korea misalnya telah dimasukkan dalam projek penyelidikan dan pembangunan kebangsaan utama Korea Selatan semenjak tahun 2003 lagi dan hinggalah pada tahun 2005 telah membangunkan pula robot manusia berjalan seperti HUBO. Robotik juga diterapkan dalam sektor hiburan seperti Korean Robot Game Festival yang diadakan setiap tahun semenjak tahun 2004 lagi.

7. MOSTI dipertanggungjawabkan untuk merancang dan melaksanakan pelbagai dasar dalam bidang Sains dan Teknologi. Malah, kemajuan dan keupayaan sains dan teknologi (S&T) adalah merupakan cabaran yang keenam di antara sembilan cabaran yang disenaraikan untuk Malaysia menuju status Negara Maju 2020. Pada April 1986 Dasar Sains dan Teknologi Negara telah diumumkan, yang bertujuan “menggalakkan penggunaan S&T sebagai satu alat untuk pembangunan ekonomi, memperbaiki kedudukan fizikal dan kesejahteraan rakyat dan untuk melindungi kedaulatan Negara, yang merupakan sebahagian daripada dasar pembangunan sosioekonomi Negara”.

8. Polisi Sains dan Teknologi Kebangsaan yang ke 2 dirangka untuk mengkaji semula dasar S&T sedia ada. Dasar ini menyediakan satu rangka kerja yang lebih dinamik untuk pembangunan S&T, dengan penekanan lebih kepada penglibatan sektor swasta dan juga penyelidikan dan pembangunan (P&P) yang berasaskan pasaran. Maka, beberapa langkah dilaksanakan oleh MOSTI, misalnya di dalam Dasar

Sains, Teknologi dan Inovasi Negara mensasarkan 72 Saintis bagi setiap 10,000 tenaga kerja. Ini satu cabaran yang perlu disahut oleh semua rakyat Malaysia. Kerajaan telah memperuntukkan berjuta-juta RM sebagai dana penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk mencapai hasrat tersebut.

9. Namun begitu, pengukuhan penyelidikan, pembangunan dan inovasi perlu disokong dengan penambahbaikan dasar, peraturan dan intensif, yang dipertanggungjawabkan kepada MOSTI untuk menjalankannya. Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) yang diluluskan awal tahun ini pula mensasarkan pencapaian nisbah 72 saintis bagi setiap 10,000 tenaga kerja menjelang tahun 2020, berbanding nisbah sekarang 58.2 saintis setiap 10,000 tenaga kerja.

10. Penganjuran pameran, bengkel dan ceramah seperti dalam “The Art of Robotech” oleh USM dan NSDC ini diharapkan membuka ruang untuk masyarakat mengenali lebih dekat lagi mengenai teknologi robot dan mungkin dapat menyaksikan hasil-hasil penyelidikan oleh IPTA dan IPTS terpilih dalam bidang teknologi robot ini. Saya mengharapkan agar masyarakat dapat mengambil kesempatan untuk menyaksikan dan mengambil bahagian di dalam aktiviti yang dirancang oleh pihak penganjur.

11. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua yang telah menjayakan USP Penang Festival 2013 yang bertemakan “The Art of Robotech” yang berlangsung selama 3 hari bermula pada hari ini. Sama-samalah kita berdoa agar program yang diadakan ini akan benar-benar dapat dimunafatkan oleh generasi muda hari ini, khususnya pelajar-pelajar sekolah yang bakal menyaksikan

hasrat dan cita-cita kerajaan ke arah negara maju berteknologi tinggi.
Dengan kata-kata itu, saya dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*,
merasmikan “USM Penang Space Festival 2013: The Art of Robotech”
Sekian, Terima kasih